

05 OCT 2002

Mahathir-Kesepakatan (Bergambar)/I

DR MAHATHIR MAHU KOMPONEN BN SOKONG KEPUTUSAN BERSAMA

KUALA LUMPUR, 5 Okt (Bernama) -- Parti komponen Barisan Nasional (BN) bertanggungjawab menyokong keputusan yang diambil melalui konsensus atau persetujuan sebulat suara di kalangan mereka, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Dr Mahathir berkata dalam BN, semua keputusan dibuat melalui konsensus dan sekiranya persetujuan tidak dicapai bagi sesuatu kes, "kami akan menanggukkan keputusannya."

"Jadi, apabila sesuatu konsensus dicapai, setiap orang bertanggungjawab menyokongnya. Kami mungkin akan hilang sokongan, tapi itu tak mengapa kerana apa yang paling penting ialah kami mengambil jalan tengah...setiap orang perlu berkorban," kata Perdana Menteri kepada pemberita apabila diminta mengulas ucapan beliau semasa merasmikan Persidangan Perwakilan Kebangsaan Ke-31 Gerakan di Wisma PGRM di sini.

Dalam ucapan beliau, Dr Mahathir yang juga pengerusi BN berkata semua keputusan kerajaan BN dibuat melalui konsensus oleh parti-parti komponen dan oleh itu mereka mestilah berani untuk menghadapi kumpulan pelampau dan jangan berasa terancam atau takut kehilangan populariti atau pengaruh di kalangan masyarakat masing-masing.

"Memanglah, ada kalanya parti komponen berasa diancam oleh masyarakatnya (yang mereka) mungkin tidak menyokongnya. Tapi semua keputusan diambil melalui persetujuan bersama. Ada masanya, apabila kami tidak dapat mencapai kata sepakat, kami menanggukkan keputusan mengenainya," kata Dr Mahathir.

Menjawab pertanyaan sama ada parti komponen perlu memperbaiki komunikasi mereka dengan rakyat, Perdana Menteri berkata: "Saya fikir itulah yang mereka buat...secara umumnya."

Mengenai isu bahasa Inggeris, Dr Mahathir berkata ia boleh diselesaikan melalui kata sepakat parti komponen BN.

"Itu kita akan bincang. Perkara itu tak jadi masalah bagi kita. Kita boleh selesaikan secara konsensus," kata beliau.

Perdana Menteri berkata tidak ada parti komponen BN yang menentang perlunya dipertingkatkan kemampuan pelajar dalam menguasai bahasa Inggeris dan apa yang menjadi isu ialah bagaimana ia akan dilaksanakan.

"Setiap orang bersetuju mengenai pentingnya dipertingkatkan kemampuan menguasai bahasa Inggeris. Tapi, bagaimana ia akan dilaksanakan merupakan perkara yang belum kami putuskan. Jadi tak apalah. Kami tak perlu bergaduh," kata Dr Mahathir.

-- BERNAMA

RV ZS SP RON